

Tajuk	Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) bagi Wilayah Sarawak tahun 2025.
Tarikh	Mei - September 2025
Latar Belakang C Justifikasi	1. Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) merupakan satu inisiatif yang bertujuan memastikan pentadbiran yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti, mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar terhadap rakyat dan perniagaan, serta mencapai sasaran untuk meletakkan Malaysia di kedudukan 12 teratas dunia menjelang tahun 2033 di dalam laporan <i>World Competitiveness Ranking (WCR)</i> oleh IMD. 2. Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bil.5/2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 17 Disember 2024, semua Kementerian, termasuk Jabatan dan Agensi di bawahnya, telah diarahkan untuk melaksanakan 15 projek RKB pada tahun 2025. Bagi memastikan keberkesanan program ini, pendekatan <i>Whole of Government</i> (integrated) yang turut melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dilaksanakan, memandangkan isu-isu yang merentas pelbagai peringkat pentadbiran memerlukan penyelesaian yang lebih menyeluruh dan bersepadu. 3. Bagi pelaksanaan di peringkat Negeri Sarawak turut disarankan untuk mendaftar 15 projek RKB bagi tahun 2025. 4. Pelaksanaan ini juga selaras dengan Deklarasi Kuala Lumpur: Tekad Bersama Perkhidmatan Awam Malaysia, yang dimeterai semasa Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam pada 24 November 2024. Deklarasi ini menekankan komitmen bersama untuk mengukuhkan sinergi antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan demi pembangunan negara yang seimbang dan menyeluruh, serta menggalakkan reformasi untuk meningkatkan kecekapan dan tatakelola penyampaian perkhidmatan awam.

Tujuan: (Jangkaan OUTCOME setelah projek siap)	Tujuan: 1. Melaksanakan program RKB di peringkat negeri di Wilayah Sarawak bagi tahun 2025. 2. Meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dengan mengurangkan prosedur yang rumit dan mempercepatkan proses kelulusan, perkhidmatan, serta penyampaian kepada rakyat dan perniagaan. 3. Memudahkan urusan rakyat dan perniagaan dengan mengurangkan beban pentadbiran, mempercepatkan urusan permohonan, lesen, permit dan perkhidmatan lain. 4. Menggalakkan ketelusan dan integriti dengan mengurangkan peluang rasuah dan penyelewengan dengan memastikan proses lebih jelas, telus dan boleh dipantau oleh orang awam. 5. Meningkatkan penggunaan teknologi digital dengan mendorong pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan untuk mempercepatkan urusan dan mengurangkan keperluan interaksi fizikal. 6. Mengurangkan kos pentadbiran dengan mengoptimumkan sumber tenaga kerja dan kewangan dengan menghapuskan proses yang tidak perlu atau bertindih. 7. Memperkasakan tadbir urus yang lebih cekap dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan dasar dan inisiatif kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik. 8. Meningkatkan tahap kepuasan rakyat dengan memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih cepat, mesra dan berkesan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka terhadap kerajaan. Outcome: 1. Perkhidmatan awam yang lebih cekap dan responsif. 2. Peningkatan kepuasan rakyat dan perniagaan. 3. Ketelusan dan integriti yang lebih baik. 4. Peningkatan penggunaan teknologi digital di dalam perkhidmatan awam. 5. Pengurangan kos dan beban pentadbiran.
--	---

	6. Daya saing ekonomi yang lebih baik dan menyumbang kepada Indeks Daya Saing (WCR), Blavatnik Index of Public Administration, Business Ready (B-Ready) dan Indeks Persepsi Rasuah (CPI). 7. Tadbir urus yang lebih berkesan. 8. Menyumbang kepada pengurangan kos pematuhan peraturan sebanyak RM1.5 bilion.
Kaedah Pelaksanaan	<u>Fasa 1: Penilaian Awal</u> • Mengenal pasti isu / masalah • Pemetaan peraturan dan proses • Mengenal pasti data dan dokumen berkaitan • Sesi khidmat nasihat pengumpulan dan pengesahan data berkaitan <u>Fasa 2: Analisis dan Cadangan Penambahbaikan</u> • Analisa isu utama dan kenal pasti <i>Pain Points</i> • Cadangan model kerja baharu • Sesi khidmat nasihat pembangunan penyelesaian <u>Fasa 3: Ujikaji Peraturan dan Menginstitusikan Reformasi</u> • Pelaksanaan dan pemantauan melalui ujikaji peraturan • Dokumentasi Impak
Syor	Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan Pelaksanaan Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) bagi Wilayah Sarawak tahun 2025 dengan menggunakan peruntukan FORE sebanyak RM 92,000.00 dan peruntukan Mengurus SKO sebanyak RM10,000.00.

**CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM RKB PERINGKAT NEGERI WILAYAH
SARAWAK TAHUN 2025**

BIL	PERKARA	JUMLAH HARI	JUMLAH PESERTA	
FASA 1				
1	Bengkel 1: Pemurnian tajuk projek dan mengenal pasti pernyataan masalah	2 Hari	30	
2	Bengkel 2: Pemetaan Proses kerja dan Pengumpulan data	2 Hari	30	
FASA 2				
3	Bengkel 3: Analisa isu dan pain points serta cadangan penyelesaian	1 Hari	30	
FASA 3				
4	Bengkel 4: Pemantauan dan analisa impak	2 Hari	30	
5	Bengkel 5: Pemantauan dan analisa impak	2 Hari	30	

MAKLUMAT PERBELANJAAN

Perkara	Peruntukan	Kategori	Nilai (RM)
Pakej Mesyuarat/Seminar RM200 x 10 Hari x 30 Pax (5 Bengkel : 2 hari / bengkel)	FORE	P29401 – Bengkel, Seminar dan Mesyuarat (Makan & Minum Tanpa Penginapan) – Bukan Kakitangan	60,000
Bayaran Tenaga Pengajar	FORE	P29105 – Perkhidmatan Pakar Runding dalam Negara (Fasilitator, Coordinator, Moderator, Speaker, Perunding – JPPK)	20,000
Bayaran Penceramah Jemputan	FORE	P29404 – Honorarium, Saguhati dan Hadiah – Orang Luar (Borang B)	2,000
Sewaan Peralatan ICT (Projektor/Mic/Speaker,dll)	FORE	P24502 – Sewa Mesin dan Lengkapan	10,000
Tuntutan elaun makan, hotel, lojing Pegawai	MENGURUS SKO	P21102 – Hotel, Lojing dan Elaun Makan	5,000
Tuntutan Perjalanan Pegawai	MENGURUS SKO	P21101 – Tambang Perjalanan, top-up Touch n Go	5,000
Kos (FORE)			92,000.00
Kos (Mengurus SKO)			10,000.00
Jumlah Keseluruhan Kos (RM)			102,000.00

Strategi Pelaksanaan



PENILAIAN AWAL

- Mengenalpasti Isu/ Masalah
- Pemetaan peraturan dan proses
- Mengenalpasti data dan dokumen berkaitan

Fasa 1 (Feb- Mac)

ANALISIS & CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Analisa isu utama dan kenalpasti *Pain Points*
- Cadangan model kerja baharu

Fasa 2 (Apr – Jun)

UJIKAJI PERATURAN & MENGINSTITUSIKAN REFORMASI

- Pelaksanaan dan Pemantauan melalui Ujikaji Peraturan
- Dokumentasi Impak

Fasa 3 (Jul – Sept)

KHIDMAT NASIHAT

- ✓ Mengumpul & Mengesahkan data berkaitan

KHIDMAT NASIHAT

- ✓ Pembangunan penyelesaian & Ai

Sesi Libat Urus Berterusan sepanjang pelaksanaan projek